



29 AUG, 2026

Dua empangan tidak terkesan

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 1

Dua empangan tidak terkesan

Ipoh: Dua empangan utama di sekitar kawasan Gerik dalam daerah Hulu Perak tidak terkesan oleh kejadian gempa bumi lemah bermagnitud 3.4 yang berlaku di Temenggor, Gerik tengah malam kelmarin.

Exco Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, ia adalah berdasarkan dapatan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang menguruskan Stesen-Stesen Janaelektrik (SSJ) Sungai Perak.

Beliau berkata, kakitangan SSJ terutamanya meliputi Empangan Temenggor dan Bersia mengakui merasa gegaran itu, dengan hasil pemeriksaan mendapati semua unit penjanaan berada dalam keadaan baik dan tidak terkesan oleh gegaran itu.

“Semua unit penjanaan di Temenggor dan Bersia dalam keadaan baik, tidak terkesan oleh gegaran yang berlaku dan beroperasi seperti biasa,” katanya ketika dihubungi semalam.

Mohammad Nizar mengulas kerisauan di media sosial susulan gegaran itu, memandangkan lokasi pusat gegaran berkenaan adalah di Tasik Temenggor yang menempatkan Empangan Temenggor.